

## Tawassul: Antara yang Disyariatkan dan yang Dipertikaikan

UDAH MOHSIN

### *ABSTRAK*

*Makalah ini membincangkan tentang tawassul, sama ada yang disepakati oleh ulama atau yang dipertikaikan. Di sini dikemukakan juga dalil-dalil bagi tawassul yang disepakati, serta dalil-dalil mereka yang mengharuskan tawassul yang dipertikaikan dan dalil-dalil mereka yang tidak mengharuskan. Selain itu dibincangkan juga tentang tawassul yang jelas salahnya.*

### *ABSTRACT*

*The article discusses on the tawassul, either which is agreed by the ulama or not. Proofs of unanimous tawassul are put forward, as well as proofs which allow to practise the disputed tawassul and proofs which do not allowed it. Further, the tawassul which is obviously false also analysed.*

### PENDAHULUAN

Tawassul adalah salah satu perkara yang sering dibincangkan oleh masyarakat, sama ada daripada kalangan ahli ilmuan atau orang awam. Oleh itu kita perlu mengetahui yang manakah tawassul yang disyariatkan oleh syarak dan manakah tawassul yang dipertikaikan oleh para ulama. Tawassul yang disyariatkan akan menjadi pegangan kita, manakala tawassul yang dipertikaikan akan menjadi renungan sama ada kita boleh melakukannya atau sebaliknya.

### PENGERTIAN TAWASSUL

Perkataan tawassul terdapat di dalam al-Quran al-Karim, hadis Nabawi dan di dalam percakapan orang Arab. Ia bermaksud, menghampir dan menyampaikan kepada yang dituntut dan dicintai (al-Albani 1397H, 8). Maksud tawassul kepada Allah s.w.t. melalui sesuatu ialah menghampiri dan menyampaikan sesuatu kepada Allah s.w.t. melalui sesuatu perkara. Selain itu tawassul juga bererti kedudukan dan taraf qurbah yang khusus (al-Albani 1397H, 9). Apa yang dimaksudkan dengan tawassul di dalam perbincangan ini ialah makna tawassul yang pertama.

### TAWASSUL YANG DISYARIATKAN

Tawassul yang disyariatkan ialah tawassul yang mempunyai dalil-dalil yang jelas daripada al-Quran atau al-Sunnah atau kedua-duanya sekali. Oleh itu para ulama tidak mempertikaikan kebenarannya. Ia merangkumi tawassul dengan perkara-perkara yang berikut:

1. Tawassul kepada Allah s.w.t. yang beriman dengan Nabi Muhammad s.a.w. dan taat kepadanya.
2. Tawassul kepada Allah s.w.t. melalui nama dan sifat-sifat-Nya.
3. Tawassul kepada Allah s.w.t. melalui doa dan syafaat Rasulullah s.a.w.
4. Tawassul kepada Allah s.w.t. melalui amal-amal soleh.
5. Tawassul kepada Allah s.w.t. melalui doa daripada orang soleh.

#### TAWASSUL KEPADA ALLAH S.W.T. YANG BERIMAN DENGAN NABI MUHAMMAD S.A.W. DAN TAAT KEPADA-NYA

Perkara ini adalah asas iman dan Islam, tanpanya seseorang itu tidak dinamakan sebagai seorang mukmin. Pensyariatan tawassul bentuk ini adalah daripada firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Mereka itulah yang berkata, Wahai Tuhan kami, bahwasanya kami telah beriman, oleh itu ampunilah dosa-dosa kami dan jauhkanlah kami daripada azab neraka. (Ali 'Imran, 3:16)

Mereka memohon ampun dan memohon dijauhi daripada api neraka kepada Allah s.w.t. melalui keimanan mereka kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

Wahai Tuhan kami, kami mendengar pendakwah menyeru kami beriman, hendaklah kamu beriman dengan Tuhan kamu, maka kami pun beriman. Wahai Tuhan kami ampunkanlah dosa-dosa kami, hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan matikanlah kami bersama-sama orang yang baik. (Ali 'Imran, 3:193)

Mereka meminta kepada Allah s.w.t. keampunan dosa-dosa mereka, penghapusan segala kesalahan mereka dan mati bersama-sama dengan orang baik, melalui keimanan mereka kepada Muhammad s.a.w.

#### TAWASSUL KEPADA ALLAH S.W.T. MELALUI NAMA DAN SIFAT-NYA

Dalil pensyariatan tawassul bentuk ini antara lain ialah firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Bagi Allah mempunyai nama-nama yang baik maka berdoalah kepada Allah melalui nama-nama tersebut. (Al-A'raaf, 7:180)

Di dalam ayat di atas Allah s.w.t. menyuruh kita berdoa kepada-Nya melalui nama-nama Allah yang baik yang bermaksud:

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu bahwasanya Engkau bersifat amat pemurah lagi amat penyayang, amat lembut dan amat bijaksana, sihatkanlah aku.

Dalil pensyariatan tawassul bentuk ini juga ialah doa Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Ya Allah, tiada Tuhan melainkan engkau, aku berlindung dengan kemuliaan-Mu daripada kesesatan. (Muslim 1955, 4:2086)

Di dalam hadis ini Rasulullah s.a.w. telah berlindung melalui kemuliaan Allah s.w.t. (*'izzah Allah*).

**TAWASSUL KEPADA ALLAH S.W.T. MELALUI DOA DAN SYAFAAT  
RASULULLAH S.A.W.**

Dalil pensyariatan tawassul bentuk ini ialah firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Sekiranya mereka menzalimi diri mereka, mereka datang kepada engkau dan meminta ampun kepada Allah, lalu Rasul meminta ampun untuk mereka nescaya mereka dapatinya Allah adalah amat pengampun lagi amat penyayang. (an-Nisa', 4:64)

Di dalam ayat ini, Allah s.w.t. menyatakan bahawa Dia amat menerima taubat mereka lagi amat kasih kepada mereka, sekiranya mereka yang melakukan kezaliman itu meminta ampun kepada Allah s.w.t., dan Rasulullah s.a.w. meminta ampun untuk mereka. Rasulullah meminta ampun kepada Allah s.w.t. untuk mereka, menunjukkan bahawa doa Rasulullah s.a.w. adalah memberi manfaat kepada mereka dan sekaligus keharusan bertawassul dengan doa Rasulullah s.a.w.

Di dalam hadis juga terdapat sahabat yang bertawassul melalui doa Rasulullah s.a.w. seperti hadis tentang hujan, terdapat seorang sahabat meminta Rasulullah s.a.w. yang sedang memberi khutbah Jumaat berdoa kepada Allah s.w.t. supaya menurunkan hujan, dan pada minggu berikutnya sahabat itu meminta kepada Rasulullah s.a.w. berdoa kepada Allah supaya memberhentikan hujan (Muslim 1955, 2:612-613). Rasulullah s.a.w. tidak melarang lelaki itu berbuat demikian bahkan baginda menyahut permintaan lelaki tersebut.

Terdapat banyak dalil yang menunjukkan Rasulullah s.a.w. memberi syafaat kepada umatnya. Antara lain sabda baginda yang bermaksud:

Setiap nabi mempunyai doa (yang diperkenankan) yang dia akan berdoa, aku simpan doaku itu untuk memberi syafaat kepada umatku pada hari kiamat. (Muslim 1955, 1:188)

**TAWASSUL KEPADA ALLAH S.W.T. MELALUI AMAL SOLEH**

Dalil pensyariatan tawassul bentuk ini ialah hadis yang menceritakan tentang tiga orang pada zaman dahulu telah terperangkap di dalam sebuah gua, yang

pintunya tertutup oleh batu besar. Mereka yakin tidak dapat keluar dari gua tersebut kecuali dengan berdoa kepada Allah s.w.t. melalui amal-amal yang telah mereka lakukan, setelah mereka berbuat demikian maka terdapat lubang pada pintu gua tersebut yang menjadikan kesemua tiga orang itu boleh keluar dan terselamat daripada malapetaka besar itu (al-Bukhari, dalam Ibn Hajar, t.t. 4:449-450).

#### TAWASSUL KEPADA ALLAH S.W.T. MELALUI DOA DARIPADA ORANG SOLEH

Bentuk pensyariatan tawassul kepada Allah s.w.t. melalui doa orang soleh daripada kalangan umat Muhammad s.a.w. sebenarnya dilakukan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. iaitu sewaktu ‘Umar b. al-Khattab meminta izin kepada baginda untuk mengerjakan umrah. Permintaan baginda kepada ‘Umar b. al-Khattab yang maksudnya:

Wahai saudaraku, kongsikanlah kami di dalam doamu dan jangan lupakan kami. (al-Tirmidhi 1965, 5:560)

Selain itu Rasulullah juga ada bersabda, yang maksudnya:

Sebaik-baik tabi’in ialah seorang lelaki yang disebut ‘Auways, dia mempunyai seorang ibu, di badannya terdapat warna putih, mintalah kepadanya supaya dia minta ampun untuk kamu. (Muslim 1955, 4:1968)

Saidina Umar sentiasa bertanya kepada rombongan yang datang dari Yaman tentang ‘Auways, apabila beliau bertemu dengan lelaki itu maka Saidina Umar pun meminta ‘Auways supaya meminta ampun kepada Allah dosanya, ‘Auways pun menunaikan permintaan Umar tersebut. (Muslim 1955, 4:1968)

#### TAWASSUL YANG DIPERTIKAIKAN

Tawassul yang dipertikaikan ialah tawassul yang tidak disepakati ulama dari segi keharusannya, ada ulama yang mengharuskannya tetapi ada juga yang melarangnya. Tawassul ini ialah tawassul dengan makhluk, atau dengan perkataan lain tawassul dengan Rasulullah s.a.w., para anbiya atau orang soleh. Imam Ahmad mengharuskan tawassul dengan Rasulullah s.a.w. sahaja, tidak yang lain. Manakala Imam al-Shawkani mengharuskan tawassul dengan Rasulullah s.a.w. dan para anbiya yang lain, seterusnya dengan orang soleh (al-Albani 1397H, 43). Ibn Taymiyyah pula melarang segala bentuk tawassul dengan makhluk sama ada dengan Rasulullah s.a.w. atau yang lain. Katanya; “Tawassul dengan diri Rasulullah s.a.w. sama ada baginda ada bersama-sama atau tidak, sama ada baginda masih hidup atau setelah wafat, hukumnya samalah dengan bersumpah dengan diri baginda dan bersumpah dengan diri para anbiya” (Ibn Taymiyyah 1970, 129). Bersumpah dengan yang lain daripada Allah adalah ditegah. Kalangan ulama kini pula yang mengharuskan tawassul dengan anbiya dan orang soleh ialah ‘Izzat ‘Atiyyah (‘Izzat ‘Atiyyah t.t, 458).

Manakala di antara yang melarang tawassul dengan sebarang makhluk pula ialah Muhammad Nasir al-Din al-Albani (al-Albani 1397H, 43-44).

**HUJAH ORANG YANG MENGHARUSKAN TAWASSUL  
DENGAN ANBIYA DAN ORANG SOLEH**

Tidak terdapat nas yang melarang daripada melakukan perbuatan ini. Daripada Anas r.a. <sup>c</sup>Umar b. al-Khattab apabila orang ramai ditimpa kemarau beliau meminta hujan (kepada Allah) melalui al-<sup>c</sup>Abas bin Abdul Mutalib. Beliau berdoa yang bermaksud:

Wahai Tuhan kami, kami bertawassul kepada engkau dengan Nabi kami lalu engkau menurunkan kepada kami hujan dan sekarang kami bertawassul kepada engkau dengan bapa saudara Nabi kami, oleh itu turunkanlah hujan kepada kami. (al-Bukhari di dalam Ibn Hajar, t.t, 2:493)

Kata Anas lalu mereka pun diturunkan hujan.

Perkataan <sup>c</sup>Umar, kami bertawassul kepada engkau dengan Nabi kami dan sekarang kami bertawassul kepada engkau dengan bapa saudara Nabi kami menunjukkan harus bertawassul dengan diri Rasulullah s.a.w. dan diri bapa saudara Rasulullah s.a.w. dengan itu juga harus bertawassul dengan orang soleh.

<sup>c</sup>Uthman b. Hunayf meriwayatkan bahawa seorang lelaki hendak menyampaikan hajatnya kepada <sup>c</sup>Uthman bin Affan tetapi <sup>c</sup>Uthman tidak memperdulikannya, lelaki itupun menemui <sup>c</sup>Uthman bin Hunayf, kata <sup>c</sup>Uthman bin Hunayf kepada lelaki itu; Pergilah ke tempat mengambil wuduk dan berwuduklah kemudian pergilah ke masjid dan sembahyanglah dua rakaat kemudian bacalah yang bermaksud:

Ya Allah, bahwasanya aku bermohon kepada-Mu dan bertawajuh kepada-Mu dengan Nabi kami Muhammad s.a.w. Nabi pembawa rahmat. Wahai Muhammad bahwasanya aku bertawajuh kepada Tuhanku denganmu maka Allah mengurniakan kepadaku hajatku.

Kemudian sebutlah apa yang dihajatkan.

Orang itu melakukan apa yang dikatakan kepadanya, kemudian dia pun pergi ke pintu rumah <sup>c</sup>Uthman, penjaga pintu itu pun datang serta membawanya menemui <sup>c</sup>Uthman bin <sup>c</sup>Affan dan <sup>c</sup>Uthman mengajaknya bersama-sama duduk di atas tempat duduk yang lembut. Lalu <sup>c</sup>Uthman bertanya kepada lelaki itu akan hajatnya, lelaki itupun memberitahu kepadanya, kemudian <sup>c</sup>Uthman pun memberikan apa yang dihajatinya, kemudian kata <sup>c</sup>Uthman kepada lelaki itu kenapa baru sekarang engkau memberitahu kepadaku, sekiranya engkau mempunyai sebarang hajat datanglah menemui kita. Lelaki itupun keluar dari rumah <sup>c</sup>Uthman bin <sup>c</sup>Affan dan datang bertemu dengan <sup>c</sup>Uthman bin Hunayf. Kata lelaki itu kepada <sup>c</sup>Uthman bin Hunayf; Dia tidak memandang kepadaku dan tidak mahu memberikan hajatku kecuali setelah engkau berkata kepadaku. <sup>c</sup>Uthman bin Hunayf menjawab; Demi Allah s.w.t. aku tidak berkata

kepadanya tetapi aku melihat Rasulullah s.a.w. telah didatangi oleh seorang yang kehilangan penglihatan mengadu kepada baginda. Baginda memintanya supaya bersabar, lelaki itu menjawab dia tidak mempunyai pemandu dan itu menyusahkannya, Rasulullah s.a.w. berkata kepadanya perlilah ke tempat ambil wuduk dan berwuduklah kemudian sembahyanglah dua rakaat kemudian berdoalah dengan doa yang di atas tadi, tidak lama kemudian lelaki itu datang seolah-olah dia tidak ada sebarang penyakit. (al-Haythami 1302, 2:279).

Berdasarkan doa yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada lelaki yang kehilangan penglihatannya itu menunjukkan harus bertawassul dengan diri Rasulullah s.a.w. Tawassul dengan diri makhluk dikiaskan dengan tawassul dengan amal soleh. Jika tawassul dengan amal soleh adalah diharuskan, maka tawassul dengan diri orang soleh adalah lebih utama.

Tawassul dengan diri Rasulullah s.a.w. dikiaskan dengan tabaruk dengan sesuatu daripada Rasulullah s.a.w. Jika tabaruk dengan suatu daripada Rasulullah s.a.w. seperti dengan lebihnya air wuduk baginda dan dengan peluh baginda adalah diharuskan, maka bertawassul dengan baginda juga adalah begitu.

Mereka yang mengharuskan bertawassul dengan anbiya dan orang soleh, juga berdalilkan dengan beberapa hadis *da'if* dan *mawdu'* antara hadis-hadis itu ialah yang bermaksud:

Siapa yang keluar dari rumahnya untuk sembahyang dan berdoa, ya Allah bahwasanya aku memohon kepada Engkau dengan hak orang yang bermohon kepada Engkau dan aku bermohon kepada Engkau dengan hak kepergianku ini aku tidak keluar dengan bermegah-megah, ujub, riya' dan sum'ah... (Ibn Majah t.t. 1:256)

Daripada 'Umar bin al-Khattab katanya Rasulullah s.a.w. bersabda, apabila Adam melakukan kesalahan dia pun berdoa yang bermaksud:

Wahai Tuhan, aku bermohon kepada-Mu dengan hak Muhammad, ampunilah dosaku. Allah bertanya wahai Adam bagaimana engkau mengenal Muhammad sedangkan dia belum lagi aku jadikannya... (al-Hakim, t.t, 2:615)

Diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w., baginda bersabda yang bermaksud:

Apabila kamu bermohon kepada Allah hendaklah kamu bermohon dengan ketinggianku kerana ketinggianku di sisi Allah adalah besar. (Ibn Taymiyyah 1970:129)

Selain hadis *da'if* dan mauduk mereka juga berhujah dengan *athar* sahabat, antaranya:

Daripada Malik al-Dari penjaga Khazanah Umar katanya; Orang ramai telah ditimpah kemarau pada zaman pemerintahan 'Umar bin al-Khattab maka seorang lelaki datang ke kubur Rasulullah s.a.w. lalu katanya; "Wahai Rasulullah mintalah (kepada Allah) supaya diturunkan hujan untuk umatmu kerana bahwasanya mereka telah binasa, maka Rasulullah s.a.w. menemui

orang itu di dalam mimpinya lalu diberitahu kepada orang itu supaya datang menemui ‘Umar’ (Ibn Hajar t.t. 2:495-496).

Daripada Aws b. ‘Abdullah katanya penduduk Madinah telah ditimpa kemarau yang dahsyat lalu mereka menemui Aishah r.a. kata Aishah kepadanya; “Lihatlah kubur Rasulullah s.a.w. dan buatlah lubang daripadanya terus ke langit, sehingga tiada di antaranya dengan langit sebarang atap, mereka pun membuatnya lalu mereka diturunkan hujan sehingga tumbuhlah rumput-rumput dan gemuklah unta-unta” (al-Darimi 1966, 1:43).

#### HUJAH ORANG YANG TIDAK MENGHARUSKAN BERTAWASSUL DENGAN PARA ANBIYA DAN ORANG SOLEH

Para sahabat dan Tabi‘in tidak melakukan tawassul bentuk ini. Apabila mereka ditimpa kemarau, mereka sembahyang meminta hujan bermohon kepada Allah s.w.t. melalui doa orang yang hidup dan tidak bertawassul melalui Nabi yang telah wafat. Mereka tidak berkata; Ya Allah, kami bermohon kepada Engkau dengan Nabi kami (Ibn Taymiyyah 1970:129).

Tidak ada nas daripada al-Quran atau hadis yang sahih lagi jelas menunjukkan keharusan bertawassul dengan makhluk, yang ada hanya kemungkinan-kemungkinan sahaja.

Tawassul dengan makhluk sekalipun kepada Nabi adalah sama seperti bersumpah dengannya. Bersumpah dengan makhluk adalah dilarang.

#### MENJAWAB HUJAH ORANG YANG MENGHARUSKAN TAWASSUL

Hujah mereka daripada yang diriwayatkan oleh Anas daripada Umar al-Khattab. Bagi memahami suatu hadis hendaklah dilihat kepada hadis-hadis lain yang berkaitan dengannya. Bahkan jika ada nas-nas al-Quran berkaitan dengan itu juga hendaklah dilihat. Apabila kita melihat hadis-hadis yang berkaitan dengan meminta hujan, tidak ada satu hadis pun tentangnya, dan tidak dilakukan oleh seorang sahabat pun, bahawa para sahabat berdoa kepada Allah s.w.t. dengan berkata: “Ya Allah, dengan Nabi-Mu Muhammad dan ketinggiannya di sisi engkau, turunkanlah hujan kepada kami”, tetapi apa yang mereka lakukan ialah mereka datang menemui Nabi dan meminta kepada Nabi berdoa kepada Allah s.w.t. supaya diturunkan hujan. Oleh itu maksud perkataan Umar; Kami bertawassul kepada Engkau dengan Nabi-Mu ialah dengan doa Nabi-Mu. Dan makna perkataannya, kami bertawassul kepada Engkau dengan bapa saudara Nabi kami ialah dengan doa bapa saudara Nabi kami (al-Albani 1397:52-56).

Hujah mereka daripada hadis yang diriwayatkan oleh ‘Uthman b. Hunayf. Sebelum diberikan jawapan kepada orang yang berhujah dengan hadis ini, biarlah diberikan maksud hadis itu daripada awalnya. Daripada ‘Uthman b. Hunayf bahawa seorang yang lemah penglihatannya telah datang menemui

Rasulullah s.a.w. katanya kepada baginda; Berdoalah kepada Allah s.w.t. supaya Allah s.w.t. menyembuhkan penyakitku. Nabi menjawab; Jika engkau mahu aku doakan dan jika engkau mahu, engkau bersabar, itu adalah lebih baik bagimu, lelaki itu menjawab; Doakanlah, Nabi pun menyuruhnya berwuduk dan lelaki itu berwuduk dengan seelok-elok wuduk dan berdoa dengan doa itu. Pada akhir doa itu ialah; Ya, Allah terimalah syafaat baginda padaku.

Daripada Nas di atas ternyata apa yang diminta oleh lelaki itu kepada Rasulullah s.a.w. ialah untuk mendoakannya dan Nabi juga telah memberi jaminan untuk mendoakannya, oleh kerana itu maksud: Aku bertawajuh kepada Engkau dengan Nabi Engkau ialah dengan doa Nabi Engkau dengan dibuang *mudaf*. Ini dikuatkan pada akhir hadis tersebut: "Ya, Allah terimalah syafaat baginda padaku" bermaksud, Ya, Allah terimalah doa baginda tentang diriku. Syafaat dari segi bahasa ialah doa (al-Albani 1397:69-77).

Tawassul dengan diri makhluk diciaskan dengan tawassul dengan amal soleh adalah qias. Qias di dalam ibadat adalah batal. Ibadat adalah diasaskan kepada *itba'* bukan *ibtida'*. Seseorang itu tidak boleh mensyariatkan agama yang tidak ditetapkan Allah s.w.t. Orang yang berkata dengan qias di dalam masalah ini, sama dengan orang yang berkata; Sekiranya harus seorang itu bertawassul dengan amal solehnya sedangkan amal solehnya itu lebih rendah dibandingkan dengan amal soleh para anbiya dan auliya, boleh juga bertawassul dengan amal soleh para anbiya dan auliya. Sedangkan ini adalah batal (al-Albani 1397:138 & 130).

Bertawassul dengan diri Rasulullah s.a.w. diciaskan dengan *tabaruk* dengan sesuatu daripada Rasulullah s.a.w. Jawapan ini juga tidak boleh diterima kerana tawassul dan *tabaruk* adalah suatu yang berlainan. Tawassul tidak boleh diciaskan dengan *tabaruk*, *tabaruk* dengan benda, tetapi tawassul tidak dengan benda, *tabaruk* biasanya untuk sesuatu yang segera seperti sembah daripada penyakit dan sebagainya, tawassul lebih umum, merangkumi manfaat dunia dan akhirat. Seorang itu tidak boleh berkata; Ya, Allah aku bermohon dan bertawassul kepada engkau dengan baju nabi-Mu, atau ludah nabi-Mu supaya engkau ampunkan dosaku dan memberi rahmat kepadaku. Siapa yang berbuat demikian akan disyaki kewarasannya akalnya, ketetapan kefahamannya dan seterusnya tentang akidah dan pegangan agama-agamanya (al-Albani t.t.: 139).

Hujah mereka melalui hadis *da'if* dan *mawdu'*. Jawapan kepada hujah-hujah ini yang berdasarkan hadis ... مَنْ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ ... yang telah diriwayatkan oleh Ibn Majah, di dalam sanadnya terdapat *'Atiyyah*, *Fudayl b. Marzuq* dan *al-Fadl b. Muwaffaq*. *Fudayl b. Marzuq* adalah dikritik, ada yang menghukumkan *thiqah* dan ada juga yang menghukumkannya *da'if* (Ibn Hajar t.t., 8:299). Adapun *'Atiyyah al-'Awfi* jelas *da'ifnya* (Ibn Hajar t.t., 7:225), begitu juga dengan *al-Fadl b. Muwaffaq* (Ibn Hajar, t.t., 8:288). Hadis ini juga diriwayatkan oleh *Ibn al-Sunni* (*Ibn al-Sunni*, t.t., 30) di dalam sanadnya terdapat juga *Fudayl b. Marzuq* dan *'Atiyyah al-'Awfi*. Daripada keterangan

di atas ternyata bahawa hadis di atas adalah *da'if* kerana di dalam sanadnya terdapat perawi yang *da'if* di samping perawi yang dipertikaikan.

Hadis yang diriwayatkan oleh Umar, Rasullulah s.a.w. bersabda, apabila Adam melakukan kesalahan dia pun berdo'a: ... يَارَبِّ ... menurut al-Dhahabi hadis ini adalah mawdu<sup>c</sup>, Abdul Rahman bin Zayd yang terdapat di dalam sanad hadis ini adalah *wahim* manakala Abdullah bin Muslim al-Fihri yang terdapat di dalam sanad hadis ini tidak diketahui (al-Dhahabi t.t., 2:615)

Hadis إذا سألكم الله فاسألوا بحاجي ... hadis ini palsu, tidak terdapat di dalam kitab yang diperakui oleh ahli hadis, juga tidak ada disebut oleh ulama hadis (Ibn Taymiyyah 1970, 129). Manakala athir sahabat yang dijadikan dalil oleh mereka pula ialah:

Hadis Riwayat Malik al-Dari adalah *da'if* (al-Albani 1397, 119-122).

Athir yang diriwayatkan oleh Aws bin Abdullah itu terdapat di dalam sanadnya perawi yang bernama Sa'id bin Zayd. Menurut Yahya bin Sa'id beliau adalah *da'if* dan menurut al-Sa'idi beliau tidak boleh dijadikan hujah (al-Dhahabi 1967 2:138).

#### MENJAWAB HUJAH ORANG YANG TIDAK MENGHARUSKAN TAWASSUL

Orang yang tidak mengharuskan tawassul tidak menggunakan nas sama ada daripada al-Quran atau al-sunnah. Tetapi mereka menjadikan tidak adanya nas al-Quran dan al-Hadis yang sahih serta tidak diamalkan oleh sahabat menurut *athar* mereka yang sahih dijadikan sebagai alasan tidak boleh melakukan tawassul bentuk ini. Pada anggapan mereka tawassul bentuk ini adalah sebagai ibadat yang bentuknya adalah *itba'* bukan *ibtid'a'*.

Hujah mereka ini dijawab, tidak adanya nas daripada al-Quran dan al-Hadis yang sahih melarang daripada perbuatan ini menunjukkan kepada keharusan melakukan perbuatan tersebut.

Mereka juga telah mengqiaskan tawassul ini dengan sumpah, qias ini telah ditolak oleh 'Izzat 'Atiyyah dengan mengatakan di antara keduanya itu mempunyai perbezaan yang jelas ('Izzat 'Atiyyah t.t., 449).

Orang yang mengharuskan tawassul telah membawa dua hadis sahih sebagai hujah mereka, iaitu apa yang diriwayatkan oleh Anas daripada Umar bin al-Khattab dan yang diriwayatkan oleh Uthman b. Hunayf. Hujah melalui nas-nas yang lain adalah *da'if* atau mawdu<sup>c</sup>. Zahir daripada kedua-dua hadis tersebut adalah harus bertawassul dengan Rasulullah s.a.w. dan bapa saudaranya al-'Abbas yang boleh diqiaskan dengannya harus bertawassul dengan orang soleh yang lain. (Kecuali imam Ahmad yang hanya mengharuskan tawassul dengan Rasulullah s.a.w. sahaja.) Kedua-dua hadis ini dibincangkan dengan panjang lebar oleh kedua-dua pihak, yang mengharuskan tawassul bentuk ini dan yang menegahnya.

Tidak adanya nas yang sahih dan jelas daripada al-Quran dan al-sunnah dan tidak adanya amalan para sahabat melalui nas yang sahih, di dalam tawassul bentuk ini telah dijadikan hujah bahawa tawassul bentuk ini adalah ditegah kerana tawassul itu adalah ibadat dan ibadat bentuknya adalah *itba<sup>c</sup>* bukan *ibtida<sup>c</sup>*.

Persoalannya di sini ialah adakah semua tawassul bentuk ini sebagai ibadat (ibadat khusus) atau ada yang berbentuk ibadat dan yang bukan? Jika yang dimohon itu rahmah, pengampunan dan sebagainya, bolehlah dikira ibadat tetapi jika yang diminta itu sembah daripada penyakit adakah itu berbentuk ibadat? Ketidaan nas yang melarang tawassul bentuk ini juga telah dijadikan hujah kepada keharusan tawassul bentuk ini. Persoalannya di sini ialah tidakkah tawassul bentuk ini juga ada yang berbentuk ibadat sedangkan ibadat itu bentuknya *itba<sup>c</sup>* bukan *ibtida<sup>c</sup>*.

#### KESIMPULAN

Sekalipun tawassul dengan diri Nabi dan orang soleh yang selepasnya adalah suatu perkara yang khilaf tetapi seseorang yang pergi ke kubur seseorang yang dianggap soleh dan sembahyang di atasnya kemudian bertawassul kepada Allah s.w.t. melalui orang itu, tidak khilaf tegahan tentangnya kerana jelas larangan sembahyang di atas kubur.

Terkeluar daripada tawassul yang dipertikaikan dan ia jelas dilarang, ialah seorang yang bertawassul dengan orang fasiq dan seorang yang meminta/berdoa kepada Rasul atau orang soleh tidak kepada Allah s.w.t. seperti katanya; Wahai Rasulullah s.a.w. ampunilah dosaku, wahai si polan (orang soleh) sembah-kanlah penyakitku.

Tawassul yang dipertikaikan oleh ulama adalah kerana ia tidak mempunyai dalil yang sahih lagi jelas. Oleh itu yang lebih baiknya hendaklah dijauhi, untuk keluar daripada khilaf. Bermohon terus kepada Allah s.w.t. tanpa tawassul adalah lebih daripada bertawassul kerana ini tidak khilaf ulama padanya dan ia memang disuruh oleh Allah s.w.t. dan Rasul-Nya.

Yang memberi dan menahan adalah Allah s.w.t. orang yang dijadikan wasilah tidak mempunyai apa-apa kuasa bagi memberi atau menahan. Oleh itu jika seorang itu beriktikad bahawa yang dijadikan wasilah itu boleh menyembuhkan, memberi pengampunan sebagainya adalah *musyrik*.

Tawassul ada yang disyariatkan dan ada yang dipertikaikan. Disyariatkan kerana dalil-dalil tentangnya adalah sahih dan jelas, dipertikaikan kerana dalil-dalil tentang *da<sup>c</sup>if* atau *mawdu<sup>c</sup>* atau fahaman daripada dalil tentangnya hanya kemungkinan-kemungkinan, tidak jelas. Sebaik-baiknya seseorang itu hendaklah terus bermohon kepada Allah s.w.t. tidak bertawassul melalui zat makhluk sekalipun daripada anbiya kerana ini dipertikaikan keharusannya tidak ada hadis yang jelas tentangnya dan para sahabat juga tidak melakukannya.

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim.
- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1397H. *al-Tawassul: Anwa'uhu wa Ahkamu*.  
Bayrut: t.p.
- al-Bukhari, Muhammad b. Isma'il b. Ibrahim. t.t. *Sahih al-Bukhari* dalam Ibn Hajar,  
*Fath al-Bari*. Misr: al-Salafiyyah.
- al-Darimi, 'Abdullah b. 'Abd. al-Rahman b. al-Fadl b. Bahram. 1966. al-Madinah al-  
Munawwarah.
- al-Dhahabi, Abu 'Abdullah Sham al-Din. t.t. *Dhayl al-Mustadrak*. Bayrut: al-Matbu'at  
al-Islamiyyah.
- al-Dhahabi, Abu 'Abdullah Sham al-Din. 1967. *Mizan al-'Itidal*. Misr: 'Isa al-Halabi.
- al-Hakim, Abu 'Abdullah al-Hakim al-Naysaburi. t.t. *al-Mustadrak*. Lubnan: Dar al-  
Ma'rifah.
- al-Haythami Ali bin Abu Bakr. 1352. *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*. Misr:  
Maktabah al-Qudsiyyah.
- Ibn Hajar, Ahmad b. 'Ali al-'Asqalani. t.t. *Tahdhib al-Tahdhib*. Bayrut: Dar Sadir.
- Ibn Majah, 'Abdullah b. Muhammad b. Yazid al-Qazwini. t.t. Qahirah: 'Isa al-Halabi.
- Ibn Taymiyyah. 1970. *Qa'idah Jalilah fi al-Tawassul wa al-Wasilah*. Bayrut: Dar al-  
'Arabiyyah.
- Ibn al-Sunni, Ahmad b. Muhammad. t.t. *'Amal al-Yawm wa al-Laylah*. Misr: Matba'ah  
al-Taqaddum.
- 'Izzat 'Atiyyah. t.t. *al-Bid'ah: Tahdiduha Wa Mawqif al-Islam Minha*. Misr: Dar al-  
Kutub al-Hadithah.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim b. al-Hajjaj. 1374H/1955M. *Sahih Muslim*. Kaherah:  
'Isla al-Halabi.
- al-Tirmidhi, Muhammad b. 'Isa b. Sawrah. 1965. *Sunan al-Tirmidhi*. Kaherah: Mustafa  
al-Halabi.

Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan

